



11 FEB, 2026

Khazanah rancang pergiat pelaburan sektor strategik utama



Sinar Harian, Malaysia

Khazanah rancang pergiat pelaburan sektor strategik utama

KUALA LUMPUR - Khazanah Nasional Berhad merancang untuk mempergiatkan pelaburan dalam sektor strategik utama pada tahun 2026 dengan memberi tumpuan kepada kesalinghubungan dan peralihan tenaga, di samping meningkatkan prestasi keseluruhan portfolio sedia ada.

Pengarah Urusannya, Datuk Amirul Feisal Wan Zahir berkata, Khazanah masih mempunyai banyak usaha yang perlu dilaksanakan dalam sektor lapangan terbang dan penerbangan, manakala dalam sektor peralihan tenaga,

keutamaan diberikan kepada ketahanan grid, tenaga boleh diperbaharui serta inisiatif penyelidikan dan pembangunan, termasuk projek-projek yang dilaksanakan Tenaga Nasional Berhad.

"Ini merupakan satu bidang di mana kami boleh bekerjasama dengan pihak lain untuk meneroka lebih banyak perkara yang boleh dilakukan demi negara. Mewujudkan impak kekal menjadi fokus utama merentas semua sektor, dan perkara ini kami rancang untuk dipercepatkan," katanya dilaporkan *Bernama*.

Dibawah tonggak "kesalinghubungan" dalam strategi pelaburan Malaysia, Khazanah telah capai kemajuan melalui dua inisiatif utama, termasuk penyempurnaan penswastaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), dengan usaha transformasi sedang dilaksanakan bagi memperkukuh kesalinghubungan global dan daya saing negara.

Katanya, usaha itu telah menunjukkan hasil yang ketara apabila pergerakan penumpang meningkat sebanyak 11.2 peratus tahun ke tahun kepada 104.4

juta, disokong oleh kemasukan 15 syarikat penerbangan baharu yang memulakan operasi di Malaysia.

Mengulas lanjut mengenai strategi lapangan terbang, beliau berkata, sebahagian besar perancangan tersebut telah dibincangkan sebelum ini, dengan penekanan kukuh diberikan kepada operasi domestik dan aset sedia ada.

"Kami menumpukan kepada penambahbaikan aset sedia ada, menaik tarafnya ke piawaian yang ditetapkan serta memperluaskan rangkaian," katanya.